

Kembara asimilasi di bumi Kunming

Oleh Noor Azlina Zainudin
azlina.z@bh.com.my

► Kunming

Kesempatan mengunjungi Kampung Shadian di sini umpama langkah kanan berganda kepada sekumpulan 20 mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) apabila turut berpeluang menikmati makanan tradisi masyarakat Muslim di China.

Mereka ialah pelajar Unit Latihan Pembangunan Mahasiswa yang menyertai Misi Kembara Asimilasi di Bumi Kunming bawah program Global Islamic Students Outreach (GISO) USIM, baru-baru ini.

Pengarah program itu, Nur Raihana Mohd Nasir, 22, berkata ketika menjalankan program khidmat komuniti di perkampungan Islam berkenaan, penduduknya antara lain menyajikan zhushi, iaitu makanan utama berasaskan karbohidrat dan kanji; cai berupa campuran pelbagai jenis sayur, daging dan ikan; mi sup serta mantou (pau kukus).

“Penduduk kampung itu teruja apabila kami menjamu mereka dengan makanan tempatan Malaysia seperti nasi himpit, kuah lodeh, nasi lemak, teh tarik, kerepek dan kuih tradisional,” katanya.

Khat China-Arab

Nur Raihana yang juga pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Sains Dengan Kepujian (Aktuari dan Pengurusan Risiko) berkata, Kampung Shadian adalah antara destinasi persinggahan mereka sepanjang tempoh misi kembara di ibu kota wilayah Yunnan ini.

Melalui program itu, katanya, mereka menyumbangkan khidmat komuniti di perkampungan Islam di Da Baiyi, Madrasah Kunchang dan beberapa institusi pengajian Islam sekitar bandar raya ini.

Beliau berkata, mereka turut berpeluang mempelajari seni tulisan khat China-Arab bawah bimbingan Imam Masjid Nancheng, Ahmed Ma Yong yang terkenal dengan kebolehan menghasilkan pelbagai khat di China.

Seperkaranya mengujakan, seorang peserta yang juga pelajar jurusan Teknologi Kimia Industri, Mohamad Akmal, diberi kepercayaan mempersembahkan hasil seni tulisan khat yang dipelajarinya di Malaysia.

“Kami juga saling berinteraksi dan bertukaran pandangan mengenai perbezaan budaya antara kedua-dua negara.

Cuba pakaian tradisional

“Selain Mandarin sebagai bahasa pengantar utama, masyarakat Muslim di Da Baiyi turut fasih berbahasa Arab,” katanya.

Dalam lawatan ke Stone Forest pula, pelajar tidak



Peserta Misi Kembara Asimilasi di Bumi Kunming berpeluang memperagakan pakaian etnik masyarakat Yunnan.



Kelas membaca al-Quran yang diadakan di Masjid Nancheng, China.

Pelajar USIM berbaju kebangsaan ketika menghadiri majlis perkahwinan masyarakat Islam di Kunming.



ketinggalan mencuba pakaian tradisional China, di samping mengadakan aktiviti mewarna untuk kanak-kanak.

Sementara itu, bagi menjayakan misi kembara kali ini, Nur Raihana berkata, peserta mengambil inisiatif memperoleh dana tambahan dengan mengadakan beberapa siri jualan amal sepanjang Ramadan lalu, selain menerima peruntukan daripada universiti.

Beliau berkata, antaranya Jualan Amal di Putrajaya, Jumble Sale For Charity, Jualan Amal ‘Baju Raya Project’ Nilai dan Jualan Amal Mega Baju Raya Projek di Stadium Tertutup Nilai.

“Bagi tujuan itu, kami menerima pelbagai barangan terpakai daripada masyarakat sekitar Nilai sebelum menjual semula dengan harga antara RM1 hingga RM7 sahaja,” katanya.



Penduduk Kampung Shadian dijamu makanan tradisional Malaysia hasil air tangan pelajar USIM.



Orang ramai memilih barangan ditawarkan dalam jualan amal bagi mengumpulkan dana tambahan.

“PENDUDUK KAMPUNG ITU TERUJA APABILA KAMI MENJAMU MEREKA DENGAN MAKANAN TEMPATAN MALAYSIA SEPERTI NASI HIMPIT, KUAH LODEH, NASI LEMAK, TEH TARIK, KEREPEK DAN KUIH TRADISIONAL”

Nur Raihana Mohd Nasir, Pengarah program GISO USIM